

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (MELAKA.NEGERI SEMBILAN)

TARIKH: 27 OGOS 2017

MUKA SURAT: 43

Kempen amalan kitar semula dalam komuter

SEREMBAN – Buat julung kalinya, SWM Environment Sdn Bhd (SWM) bekerjasama dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menjayakan kempen kitar semula.

Menerusi pasukan kempen dinamakan *3R Troopers*, mereka mengedarkan risalah dan memberi maklumat kepada orang ramai berhubung amalan tersebut.

Pada masa sama, KTMB turut menayangkan video bertajuk *3 Easy Steps To Separate Your Waste* di dalam komuter dan di semua stesen selama tiga bulan bermula kelmarin.

Exco Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias berkata, jika selama ini kempen berkenaan lebih tertumpu di kawasan perumahan, kini diperluaskan di

tempat tumpuan ramai termasuk di pusat pengangkutan awam.

“Kita nak beri kesedaran semaksimum mungkin kepada orang ramai tentang kepentingan pengasingan sampah dan kitar semula yang dikuatkuasakan sejak setahun lalu.

“Semua stesen KTMB di negeri ini juga telah dibekalkan tong sampah kitar semula dengan harapan ia menjadi amalan kepada setiap orang” katanya pada sidang media selepas majlis Pelancaran *3R Troopers#Litterfreetrains* di Stesen KTM Seremban, di sini.

Terdahulu, Jalaluddin bersama pasukan *3R Troopers* mengedarkan risalah dan cenderahati kepada pengguna komuter bermula dari Stesen Nilai dengan lokasi terakhir di Stesen Pulau Sebang, Melaka.



Jalaluddin menyampaikan cenderahati kepada pengguna komuter. Turut kelihatan, Pengurus Wilayah SWM Melaka & NS, Dr Al'Ashari (berdiri, belakang).